

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**  
**DARIPADA :** **YB. TUAN TAN KOK WAI**  
**KAWASAN :** **CHERAS**  
**TARIKH :** **7 MAC 2017, SELASA**

**SOALAN:**

**YB. TUAN TAN KOK WAI** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan keselamatan semua bangunan Kerajaan di seluruh negara dan bagaimanakah cara audit keselamatan bangunan-bangunan ini dilakukan.

**JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan sememangnya amat komited bagi memastikan aset-aset bangunan Kerajaan sentiasa berada dalam keadaan baik dan selamat. Ini kerana Kerajaan telah membuat pelaburan yang besar untuk membina aset-aset tersebut demi memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada orang ramai. Tumpuan terhadap pengurusan aset bangunan Kerajaan yang sistematik dan bersepadu itu amat dititikberatkan bagi memastikan ia sentiasa berada dalam keadaan sempurna, selamat, ekonomik dan dapat digunakan untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Justeru itu kementerian ini melalui Jabatan Kerja Raya (JKR) telah merangka pelan induk pengurusan aset negara di mana ia menjadi rujukan utama dan piawai di peringkat nasional oleh setiap agensi Kerajaan. Antara manual dokumentasi itu ialah melalui Dasar Pengurusan Aset Kerajaan (DPAK); Pekeliling Am Bil 1 Tahun 2009: Manual Pengurusan Aset Menyeluruh (MPAM) Kerajaan; dan juga Pekeliling Am Bil 2 Tahun 2012: Tatacara Pengurusan Aset Tak Alih (TPATA) Kerajaan.

Dokumen-dokumen ini merupakan sebahagian daripada amalan terbaik Pengurusan Aset Menyeluruh (PAM) dalam pengurusan aset Kerajaan. Strategi pelaksanaan Pengurusan Aset Kerajaan ini dilaksanakan menerusi pendekatan tadbir urus di mana setiap agensi Kerajaan yang berkenaan adalah bertanggungjawab untuk memupuk budaya penyelenggaraan dan kesedaran penyelenggaraan aset di bawah agensi mereka. Di samping itu pelbagai program dan kempen kesedaran awam tentang kepentingan memelihara aset Kerajaan juga telah diwujudkan dan dilaksanakan secara berterusan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi pengurusan senggara fasiliti di bangunan-bangunan milik Kerajaan, kerja-kerja senggara bagi pemasangan elektrik dan nasihat teknikal dilaksanakan oleh JKR bagi hampir semua premis Kerajaan, kecuali premis-premis awam yang telah diswastakan. Program pemeriksaan audit keselamatan termasuk aspek mekanikal dan elektrikal di bangunan-bangunan Kerajaan dilaksanakan oleh JKR mengikut Piagam Pelanggan dan program senggara yang ditetapkan serta peruntukan yang disediakan oleh jabatan pelanggan yang berkenaan.

Sehingga kini JKR telah membuat pemeriksaan dan mengambil tindakan hampir 50,000 unit bangunan milik Kerajaan di seluruh negara. Jumlah tersebut melibatkan pelbagai bangunan awam Kerajaan seperti sekolah, balai polis, kem tentera dan bangunan-bangunan gunasama Kerajaan. Manakala bagi premis-premis Kerajaan yang memiliki sistem pendawaian yang usang, kerja-kerja pemeriksaan keselamatan elektrikal telah, sedang dan akan dilaksanakan dari semasa ke semasa mengikut senarai keutamaan, iaitu berdasarkan maklumat yang diperoleh dari pangkalan data Sistem Pengurusan Aset Tak Alih (SPATA) bagi aset-aset bangunan Kerajaan.

Sekian. Terima kasih.